

**BAB**  
**KETIGA**

## BAB KETIGA

### TUAN GURU HAJI OMAR DAN PERKEMBANGAN PENDIDIKAN ISLAM DI BESUT

#### 3.1 Pendahuluan

Dalam Islam ilmuan tidak dibenarkan diam membisu. Sebagai pewaris selepas kewafatan Nabi, mereka menjadi tempat terhimpunnya khazanah ilmu Tuhan dari segi fakta dan tafsiran. Lantaran itulah tanggungjawab menyampaikan dan mengembangkan ilmu pengetahuan agama, semata-mata kerana Allah merupakan salah satu tuntutan agama. Rasulullah, para sahabat dan ulama Islam berkorban masa, tenaga dan harta benda bukan untuk mencari kebendaan dan kedudukan, sebaliknya untuk menyebarkan ilmu pengetahuan di samping membasmi kejahatan semata-mata menyahut seruan Allah. Dalam konteks tersebut, al-Quran telah menjelaskan:

فَلَوْلَا نَفَرَ مِن كُلِّ فِرْقَةٍ  
مِّنْهُمْ طَائِفَةٌ لِّيَتَفَقَّهُوا فِي الدِّينِ وَلِيُنذِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ  
لَعَلَّهُمْ يَحْذَرُونَ ﴿١٢٢﴾

Terjemahannya: *Tidak sepatutnya bagi orang-orang yang beriman itu pergi semuanya ke (medan perang). Mengapakah tidak pergi dari tiap-tiap golongan antara mereka beberapa orang untuk mendalami pengetahuan mereka tentang agama dan untuk memberi peringatan kepada kaum mereka apabila mereka telah kembali kepada mereka itu, supaya mereka itu dapat menjaga berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah)*

Surah al-Taubah (9): 122

Atas kesedaran inilah yang menjadi sumber inspirasi kepada Tuan Guru Hj. Omar untuk pulang ketanah air, setelah hampir lima belas tahun menuntut ilmu di Mekah. Semata-mata untuk mengembangkan ilmu pengetahuan di samping membasmi kejahilan yang menular dalam masyarakat.

### 3.2 Sejarah Pendidikan Islam Di Daerah Besut

Pada zaman tradisi (zaman sebelum kekuasaan Barat bertapak di negeri ini), Negeri Terengganu adalah terkenal sebagai sebuah negeri yang maju dengan perkembangan ilmu pengetahuan agama Islam. Abdullah Munshi yang membuat pelayaran ke Pantai Timur Tanah Melayu pada 4 Mac- April 1838 dan pernah singgah di Terengganu melaporkan bahawa pada masa tersebut, institusi pengajian di Terengganu kebanyakannya menggunakan kitab-kitab Arab dan ~~kujan~~ menggunakan kitab-kitab jawi. Bacaan al-Quran penduduknya sangat baik dan begitu juga dengan tulisan jawi mereka.

Dari gambaran Abdullah Munshi secara sepintas lalu mengenai pengajian Islam di Terengganu, di samping kritiknya yang pedas terhadap kekuasaan tradisi di negeri-negeri Melayu yang dilawatinya (Pahang, Terengganu dan Kelantan) beliau secara tidak langsung mengakui bahawa negeri Terengganu pada masa itu adalah istimewa dengan perkembangan ilmu pengetahuan yang bercorak keIslaman.<sup>1</sup>

Oleh itu, dengan pergolakan Patani - Kelantan dengan Siam banyak memberikan sumbangan kepada kebangkitan pengajian Islam di Terengganu. Malah hasil daripada peperangan yang meletus itulah, satu sistem pendidikan telah dieksport ke Terengganu iaitu sistem pendidikan Pondok.

### **3.2.1 Sistem pondok pertama yang diasaskan di Terengganu**

Sistem pondok yang meluas di Terengganu pada mulanya berasal dari pondok Sheikh Abdul Kadir Patani yang meninggal dunia pada tahun 1864. Beliau merupakan orang yang sangat dipercayai dan dicatatkan sebagai seorang alim yang mengasas dan memulakan zaman pemikiran Islam di Terengganu pada abad yang ke-19.<sup>2</sup>

Maka tidak hairanlah bagi daerah Besut yang juga menjadi sebahagian daripada negeri Terengganu mempunyai sistem pendidikan pondok Islam yang kukuh. Kemunculan pondok di Besut juga mempunyai kaitan dengan kehadiran ulama Patani yang berulang-alik dari Patani ke Besut yang kemudiannya menetap dan terus mengajar di Besut. Berpunca daripada ketiadaan alim ulama yang berkelayakan untuk membimbing orang ramai di daerah itu suatu ketika dulu, memudahkan pengasasan dan perkembangan pondok di situ.

Masyarakat Besut, yang umumnya terdiri daripada petani menyediakan ruang yang luas kepada kemunculan dan penglibatan ulama yang bersedia untuk mengajar. Pekerjaan menanam padi memerlukan masa

yang pendek, dan ini membolehkan mereka menggunakan masa lapang untuk mengikuti pengajian agama. Keadaan mereka berbeza dengan kaum nelayan, oleh kerana kesibukan dan keterukan bekerja, mereka ini tidak begitu sangat menghiraukan pengajian agama.<sup>3</sup>

### 3.2.2 Tumpuan Pendidikan

Ulama ini bukan sahaja menumpukan pengajaran mereka terhadap rakyat biasa, malah mereka juga menjadi guru kepada anak-anak Raja. Kadangkala anak-anak Raja ini mendapat pendidikan agama secara perseorangan daripada mereka.

Dalam mengkaji sejarah perkembangan pengajian Islam di daerah Besut ini, seorang tokoh penting yang tidak harus dilupakan ialah Tuan Guru Hj. Hasan al-Patani. Beliau berasal daripada Patani. Beliau juga semasa berada di Pattani menjadi guru kepada Tuan Guru Hj. Hussin iaitu seorang tokoh yang merupakan pelopor dalam sejarah perkembangan pondok di Besut.<sup>4</sup>

Kedatangan Tuan Guru Hj. Hassan al-Patani ke Besut telah disambut baik oleh Raja Besut. Baginda yang ketiadaan guru untuk mengajar anak-anaknya mengaji al-Quran, telah menerima ulama itu dengan senang hati. Apatah lagi Tuan Guru Hj. Hassan juga ialah seorang tabib (dokter) dan dipercayai pula mempunyai banyak ilmu kebatinan. Beliau juga muncul sebagai penasihat kepada Raja yang sangat ditakuti juga dihormati oleh pihak

diRaja. Kedudukan yang sedemikian, menyebabkan penduduk kampung turut mempelajari ilmu daripadanya.

### 3.2.3 Besut Melahirkan Ramai Ulama Terbilang

Bermula daripada Tuan Guru Hj.Husin, Besut sebenarnya menampilkan ramai ulama yang terbilang yang telah mempelopori dan mengembangkan pengajian pondok. Mereka termasuklah anak Tuan Guru Hj. Husin sendiri iaitu Tuan Guru Hj. Muhamad, Tuan Guru Hj.Omar, Tuan Guru Hj. Abbas, Tuan Guru Hj Wan Abd. Latif dan Tuan Guru Hj.Abd. Latif Awang.<sup>5</sup>

Kedudukan sosial ulama-ulama ini sendiri, termasuk keilmuan, kebolehan dan kepandaian, telah menjadikan mereka tokoh yang mendapat perhatian umum. Anggota masyarakat mengunjungi mereka untuk mendapatkan bantuan, perubatan dan nasihat, serta pengaruh mereka terutama ketika pilihanraya melanda di daerah Besut. Penglibatan mereka dalam lapangan-lapangan ini juga, mempunyai kesan pendidikan, sama ada secara langsung atau tidak langsung melalui pembabitan tersebut membantu pemsyarakatan dan pembentukan nilai-nilai Islam.<sup>6</sup>

Kesimpulannya, kemunculan ulama dan penglibatan mereka dalam pengajaran secara pondok di Besut terbukti telah membentuk suatu tradisi pengajian yang agak kukuh di daerah itu. Besut menjadi kawasan yang subur

dengan kegiatan pendidikan agama, sebagaimana yang berlaku di Kelantan berikutan penubuhan pondok-pondok di negeri itu. Sikap dan sambutan yang telah diberikan oleh masyarakat tempatan turut bertanggungjawab mewujudkan keadaan yang membolehkan perkembangan ini berlaku. Satu aspek penting dalam sejarah kebangkitan ulama dan pengasasan pondok di Besut ialah kerjasama dan sokongan moral serta material, yang telah diberikan oleh wakil Raja atau pemerintah daerah sendiri kepada usaha-usaha pembangunan Islam.

### 3.3 Pengenalan Tuan Guru Haji Omar

Orang yang dikenang dan bermanfaat kepada masyarakat ialah orang yang berilmu dan berbakti dengan penuh ikhlas.<sup>7</sup> Semoga orang yang akan kita bicarakan ini (Tuan Guru Hj. Omar) akan dimasukkan dalam golongan orang yang dimaksudkan itu.

#### 3.3.1 Nama sebenar Tuan Guru Hj Omar

Nama penuh beliau ialah Omar bin Ahmad bin Chek Che' bin Che Darjah bin Che' Latif. Timbul pelbagai pendapat berhubung tarikh dan tempat kelahiran beliau, ada pendapat yang menyatakan bahawa beliau dilahirkan di Kampung Sungai, Kampung Raja pada tahun 1891. Tapi apa yang pasti ialah, beliau dilahirkan di Kampung Palembang, Kampung Raja, Besut pada tahun 1878. Selepas daripada itu, beliau menetap di Kampung Beris, Kampung Raja, Besut Terengganu.

Dalam membicarakan latar belakang Tuan Guru Hj. Omar, dikatakan nenek moyangnya berasal daripada Palembang Sumatera Indonesia. Iaitu Che Latif. Che Latif merupakan seorang yang alim dalam bidang agama terutamanya dalam ilmu tasawwuf.

Che Latif merupakan ahli perniagaan yang telah lama berdagang di Patani (selatan Thailand). Di tepi sungai Besut beliau membuka satu kawasan baru yang diberi nama Palembang sempena nama kampung asalnya. Di sana beliau dilantik sebagai pemimpin. Namun begitu beliau menolak perlantikan tersebut dengan alasan beliau sibuk dengan urusan perniagaannya.

Apa yang pasti, Che Latif telah mendapat dua orang anak yang bernama Che Darjah dan Che Kamat. Manakala Che Darjah mendapat anak yang diberi nama Che Chek. Maka daripada keturunan Che Chek inilah lahirnya bapa Tuan Guru Haji Omar iaitu (Ahmad bin Che Chek). Seterusnya bapa beliau telah berkahwin dengan Che Esah yang kemudiannya dikurniakan anak seramai tiga orang iaitu, Che Aminah, Che Sulaiman dan Che Fatimah.

Perkahwinannya yang kedua ~~adalah~~ dengan Che Maryam, hasil daripada perkahwinan ini beliau telah dikurniakan anak seramai empat orang. Mereka termasuklah Tuan Guru Haji Omar, Hassan, Saadiah dan Yam.

Dari salasilah Che Latif itulah lahirnya Tuan Guru Hj. Omar yang merupakan keturunan yang keempat. Tuan Guru Hj. Omar juga dikatakan lahir di Kampung Palembang, Besut. Secara pastinya Tuan Guru Hj Omar dilahirkan dalam keluarga yang berada dan kuat berpegang dengan agama.<sup>9</sup>

Tuan Guru Hj Omar meninggal dunia pada 23.12.1941 jam 2.30 petang. Kematian beliau dikaitkan dengan sakit bisul.<sup>10</sup>

### 3.3.2 Latar Belakang Keluarga

#### 3.3.2.1 Perkahwinan Tuan Guru Hj Omar

Pada masa hayatnya Tuan guru Hj. Omar pernah berkahwin sebanyak dua kali. Isterinya yang pertama ialah sepupu beliau sendiri iaitu Hjh. Khadijah bt Ali. Hasil daripada perkongsian hidup ini beliau dikurniakan tiga orang anak ( seorang lelaki dan dua perempuan ) iaitu Hjh Kalthom, Hj. Mokhtar dan Hjh Nafisah. Walau bagaimana pun dua daripadanya sudah meninggal dunia. Anaknyanya yang masih hidup hanyalah Hjh Nafisah<sup>11</sup> yang sekarang ini masih lagi menetap di Mekah. Perkahwinan yang pertama ini berakhir dengan kematian isterinya yang dikatakan berpunca daripada penyakit batuk yang berterusan.

Setelah hidup menduda dalam jangka masa yang lama dan diatas desakan daripada ahli keluarga, akhirnya beliau bertemu jodoh dengan Hjh Wan Saedah bt. Hj. Wan Mohd Marbol anak kepada Mufti Perak pada masa itu iaitu Haji Ahmad @ Mohamad<sup>12</sup>. Hasil daripada perkongsian hidup ini beliau telah dikurniakan enam orang anak iaitu Hj. Abdul Aziz, Hjh Maryam, Hjh Rokiah @ Sofiah dan Hjh Aminah dan dua orang lagi meninggal dunia semasa kecil. Kesemua anak-anaknya ini masih lagi hidup hingga sekarang. Anaknyanya yang pertama

Hj Abdul Aziz, pernah menjawat jawatan sebagai guru.<sup>13</sup> Hjh Rokiah juga telah bersara daripada jawatan guru. Beliau kini menetap di Kampung Gong Kepas Alor Lintang Besut bersama dengan ibunya. Manakala Hjh Aminah pula kini sedang menetap di Kampung Amir, Besut.

Sebagai seorang bapa, beliau tidak dapat mengelak diri daripada suasana suka-duka dalam mendidik anak-anak. Sepertimana bapa yang lain, beliau ingin melihat anak-anaknya maju dalam pelajaran dan bidang-bidang yang lain. Biar pun ada di kalangan anak-anak beliau yang berjaya di dalam bidang yang diceburi, namun begitu beliau sedikit dukacita kerana anak-anaknya tidak dapat mengikut jejak langkah beliau sebagai seorang tokoh ulama. Apa yang menyedihkan lagi apabila satu-satunya anak yang menjadi harapan untuk menggantikan tempat beliau iaitu (Hj. Mokhtar) telah terlebih dahulu kembali ke rahmatullah (meninggal dunia), iaitu ketika sedang menuntut ilmu di Mekah.<sup>14</sup>

### **3.3.3 Pendidikan**

Pengajaran al-Quran dan ilmu agama merupakan suatu kewajipan yang mesti dilalui oleh kanak-kanak Islam sejak dahulu hingga hari ini.

#### **3.3.3.1 Pendidikan Semasa Kecil**

Tuan Guru Hj. Omar amat bernasib baik kerana pendidikan awalnya bermula sejak kecil lagi yang diasuh oleh kedua ibubapa untuk mempelajari ilmu agama dan al-Quran. Semasa kecil beliau mula belajar membaca al-Quran dengan Hj. Ibrahim iaitu bapa saudara (sebelah ibunya). Pada masa lapang pula, beliau sering menolong bapa saudaranya (Ali) membuat perahu. Oleh sebab beliau adalah seorang budak yang tekun dan rajin, beliau dapat khatam al-Quran dalam masa yang amat singkat.<sup>15</sup>

#### **3.3.3.2 Pendidikan Semasa Remaja**

Setelah tamat mengaji al-Quran, disertakan dengan minat beliau yang mendalam untuk mendalami ilmu-ilmu agama, akhirnya beliau meneruskan pula pengajian untuk mendalami kitab-kitab agama. Atas minat tersebut ketika usianya empat belas tahun beliau telah dihantar belajar di Pondok Kampung Lampu, Kampung Raja, Besut, Terengganu. Di pondok ini Tuan Guru Hj. Omar telah berguru dengan beberapa orang tokoh Ulama Pondok yang terkenal pada waktu itu, mereka termasuklah Tuan Guru Hj. Hussain

Kampung Lampu, Tuan Guru Hj. Said Kampung Lama dan Hj. Hassan Hakam Kampung Lampu.

Ketika berada di Pondok Kampung Lampu, beliau telah berkenalan dengan ramai kenalan yang datang dari negeri Kelantan dan Terengganu. Di sini beliau mempunyai ramai sahabat antaranya seperti Hj. Ismail Abd. Wahab Telaga Bata dan adiknya Hj. Said Abd. Wahab, Hj. Sulong Awang Dusun Durian, Hj. Enduk Tawang, Hj. Mamat Abu Bakar Kampung Baru, Hj. Mat Saman Kuala Nipah, Hj. Abd. Samad Gong Kala dan beberapa orang lagi.<sup>16</sup>

Semasa menuntut di Pondok ini, Tuan Guru Hj Omar amat dikagumi oleh guru dan rakan-rakannya. Ini memandangkan beliau merupakan seorang pelajar yang pintar dan rajin mengulangkaji pelajaran. Beliau juga tidak suka menghabiskan masa dengan sia-sia. Malah setiap ruang yang ada beliau isikan dengan membaca pelajaran dan menghafal matan-matan yang dipelajari.

Semasa berada di pondok juga, beliau turut mempelajari bermacam-macam jenis ilmu agama, seperti ilmu nahu, soraf, fiqah, tafsir, hadis dan sebagainya. Beliau bukan dikehendaki menadahi kitab sahaja, malah turut digalakkan untuk menghafal setiap matan yang diberi. Di samping itu juga, Tuan Guru Hj. Omar mempunyai satu sifat yang patut diteladani, iaitu beliau tidak mencemari kitab-kitab beliau dengan dhobit (tanda).<sup>17</sup>

### 3.3.3.3 Pendidikan Semasa Dewasa

Atas galakan guru, keluarga serta harapan masyarakat kampung, akhirnya beliau telah dihantar oleh bapanya untuk menyambung pengajian ke Mekah.

Semasa di Mekah, Tuan Guru Hj. Omar mendalami pengajian agama dengan penuh tekun dan sabar. Setiap masa yang ada beliau gunakan untuk mengulangkaji dan memahami setiap pelajaran yang dipelajari. Ketika berada di sana beliau sempat berkawan dengan (ulama tiga serangkai) dari negeri Kelantan. Mereka ialah Tok Kenali, Tok Kemuning dan Tok Bachok yang kebetulannya sedang menuntut di sana. Tuan Guru Hj. Omar juga sangat suka (bermuzakarah) berbincang tentang pelajaran yang dipelajari. Dengan ini dapat menambahkan lagi kefahaman berhubung dengan ilmu yang dipelajari. Justeru itulah, beliau sering bermuzakarah dengan (Ulama Tiga Serangkai) tersebut, terutama apabila selesai daripada menadah kitab.<sup>18</sup>

Semasa di sana, Tuan Guru Hj. Omar sempat menuntut ilmu dengan beberapa orang tokoh Ulama yang terkenal, antaranya ialah Tok Sembawa dan Tuan Mokhtar Bogor. Pada ketika tertentu beliau juga sering berguru dengan ulama (Ulama Tiga Serangkai) tersebut.

Menurut ceritanya semasa menuntut, Tuan Guru Hj Omar lebih gemar duduk di belakang. Ini mungkin kerana keadaan di belakang lebih

selesa, dan beliau dapat memberikan sepenuh perhatian terhadap pelajaran yang diberi.

Tuan Guru Hj Omar juga merupakan salah seorang daripada pelajar yang pintar. Justeru itulah beliau amat dikagumi oleh guru dan rakan-rakannya. Lantaran itu tidak hairanlah ketika gurunya mempunyai sebarang urusan, beliau turut diamanahkan untuk menggantikan tempat mereka.

Setelah berada di Bumi Mekah selama berbelas-belas tahun, tidak dipastikan sama ada dua belas atau lima belas tahun. Akhirnya Tuan Guru Hj. Omar pulang ke Kampung halaman untuk menyemai bakti kepada masyarakat yang dahagakan ilmu pengetahuan.

Setelah pulang ke tanahair selama beberapa tahun. Bagi menambahkan lagi ilmu pengetahuannya, akhirnya beliau sekali lagi pergi ke Mekah. Menurut ceritanya, kali ini disamping menuntut ilmu beliau turut mengajar di sana. Semasa di sana beliau lebih masyhur dengan gelaran (Tuan Guru Besut) atau (Tuan Guru Kaya). Gelaran ini mungkin beliau terima kerana banyak menerima upah haji dan umrah dan juga sedekah daripada orang ramai.<sup>19</sup>

### 3.3.4 Peribadi

Peribadi dan perwatakan Tuan Guru juga menjadi salah satu identiti institusi pengajian pondok. Maju atau mundur sesebuah institusi itu bergantung kepada keperibadian tuan guru itu sendiri, sama ada dari segi kealiman, ketakwaan, kewarakan dan kejujurannya.

Berpunca daripada ketokohan dan keperibadian inilah menjadikan mereka mempunyai kewibawaan. Peribadi mereka dimuliakan dan digeruni. Kata-kata dipatuhi tanpa dipertikaikan lagi. Fatwa-fatwa hukum yang dikeluarkan menjadi pegangan padu tanpa diperselisihkan. Keperibadian yang sempurna itulah menjadikan mereka bukan sahaja dianggap sebagai tuan guru bahkan juga sebagai seorang pendidik yang unggul dan berkesan.

Beliau juga seorang ulama yang suka beribadat dan berkhawatir seorang diri. Pada tengah malam kebiasaannya beliau akan bangun untuk mengerjakan sembahyang tahajjud secara bersorangan. Walaupun beliau seorang yang tekun beribadat, namun begitu dia dikatakan tidak pernah mengikuti sebarang bentuk Tarikat yang berkembang pesat pada waktu itu.

Sebagai seorang guru, Tuan Guru Haji. Omar dikenali ramai sebagai seorang yang alim, warak dan bersopan santun. Beliau juga mempunyai keperibadian yang mulia. Oleh sebab itu beliau amat disegani dan disanjung tinggi oleh masyarakat dan rakan-rakan seperjuangannya.

Kemuliaan peribadi beliau dapat dilihat melalui pergaulannya ketika bersama:

#### **3.3.4.1 Anak-anak**

Dalam pergaulannya dengan anak-anak Tuan Guru dianggap sebagai seorang bapa yang penyayang. Biar pun beliau sibuk dengan jadual pengajaran yang padat namun kebajikan anak-anak tidak pernah beliau abaikan. Jika ada kelapangan beliau akan menggunakan masa tersebut untuk bernesra dengan anak-anak. Sebagai seorang bapa, perasaan kasih sayang terhadap anak-anak memang tidak dapat dinafikan. Namun begitu, beliau serius apabila berdepan dengan anak-anak di rumah. Perasaan sayangnya terhadap anak tidak pernah ditunjukkan secara zahir apatah lagi untuk memanjakan mereka seperti orang lain.

Walaupun sentiasa sibuk, pendidikan anak-anak tidak beliau abaikan. Bagi menjamin masa depan mereka, Tuan Guru Hj Omar telah menghantar dua orang anaknya belajar di Mekah, iaitu Mokhtar dan Nafisah.<sup>20</sup>

#### **3.3.4.2 Pelajar-pelajar**

Tuan Guru Hj. Omar juga adalah seorang guru yang mempunyai hubungan yang mesra dengan pelajar-pelajarnya. Dalam masa yang sama, dengan keperibadian beliau yang warak, taqwa, alim dan kesederhanaan di dalam hidup, menjadi sumber dan inspirasi penting yang dapat diteladani

oleh pelajar bagi membina keperibadian dan perwatakan mereka. Akibat hubungan tersebut lahirlah perasaan patuh dan saling menghormati. Justeru itulah walaupun beliau bukanlah seorang pendidik yang tegas, namun begitu beliau sentiasa dihormati dan digeruni oleh pelajar-pelajarnya.

Tuan Guru Hj. Omar juga menganggap semua pelajar-pelajarnya adalah seperti anak kandungnya sendiri. Bertolak daripada situlah terjalannya perasaan kasih sayang dan hormat menghormati sesama mereka. Berpaut kepada situasi inilah beliau dapat mendidik pelajar-pelajarnya tanpa apa-apa kebimbangan dan halangan. Pelajar-pelajar pula menganggapnya seperti bapa sendiri, mereka rela menerima segala tunjuk ajar walau pun berbentuk denda.<sup>21</sup>

#### 3.3.4.3 Terhadap Masyarakat

Tok guru dalam sistem pendidikan pondok merupakan tonggak utama dan penting. Pengaruhnya amat besar dan peribadinya amat teguh. Peribadi mereka sentiasa disanjung oleh masyarakat bukan disebabkan kealimannya tetapi juga berdasarkan kewarakan dan ketaqwaannya.

Justeru itulah Tuan Guru Hj. Omar sentiasa dihormati oleh masyarakat sekeliling tidak kira di mana beliau berada. Beliau juga adalah seorang yang tidak suka bercakap kasar baik kepada orang ramai mahupun terhadap murid-muridnya. Di samping itu, beliau tidak pernah berbesar diri dan bermegah dengan kedudukannya. Dari sudut pergaulannya dengan

masyarakat sekeliling, beliau tidaklah dianggap sebagai seorang yang sombong. Ini dapat dilihat melalui cara pergaulannya dan kemeraannya dengan jiran tetangga dan masyarakat yang mengunjungi beliau.

Beliau juga tidak sekali-sekali menghampakan harapan setiap pengunjung yang inginkan bantuan daripada beliau. Bagi mengeratkan lagi hubungan dengan masyarakat sekitar, Tuan Guru Hj. Omar telah meperuntukkan satu hari dalam seminggu iaitu (hari Selasa). Pada sebelah pagi hari tersebut beliau hanya mengajar sebuah kitab sahaja, iaitu kitab (حکم لابن عطاء الله) sebuah kitab Tasawwuf yang begitu terkenal di Terengganu, Kelantan dan Patani. Masa yang selebihnya beliau habiskan dengan menerima tetamu serta mendengar permasalahan yang dihadapi oleh mereka. Oleh sebab itu, tidak hairanlah pondok beliau sentiasa meriah dan ceria kerana dikunjungi oleh ramai pengunjung.<sup>22</sup>

Lebih daripada segala-galanya, Tuan Guru Hj. Omar adalah model seorang Tok Guru yang mudah bergaul dan disenangi, dihormati dan dimuliakan. Beliau hampir tidak pernah menghampakan undangan orang. Jika tidak ada sebarang keuzuran, semua undangan ini pasti akan dihadirinya. Menurut anaknya, Abd. Aziz ayahnya adalah seorang yang (إجابة الدعوة) iaitu menyahut sebarang undangan.<sup>23</sup>

Ulama pondok mempunyai kedudukan yang strategis sebagai pemimpin agama di peringkat desa. Oleh sebab itulah apabila beliau dijemput ke sesuatu majlis atau upacara keagamaan, pastinya beliau akan diberi keutamaan untuk memimpin majlis tersebut.

Dari aspek berpakaian Tuan Guru Hj Omar lebih gemar memakai baju Melayu Johor (baju telok belanga) lengkap dengan serban yang dililit di leher. Beliau jarang sekali memakai jubah, melainkan untuk menghadiri jemputan atau pun majlis rasmi sahaja.<sup>24</sup>

### **3.3.5 Kelebihan Dan Kebolehan**

Sebagai seorang ulama beliau dikatakan mempunyai banyak kelebihan yang dikurniakan oleh Allah Ta'ala, antara kelebihan-kelebihan beliau ialah seperti berikut:-

#### **3.3.5.1 Merawat penyakit**

Tuan Guru Hj. Omar juga dikatakan berkebolehan merawat pesakit. Ini terbukti daripada ramainya orang yang datang ke rumahnya untuk mendapat rawatan. Walaupun begitu beliau tidak pernah menghampakan harapan setiap orang yang inginkan bantuan daripadanya. Beliau akan berusaha bersungguh- bersungguh untuk merawatnya. Walaupun cara perubatan beliau bukanlah cara seorang doktor, iaitu beliau merawat dengan membaca ayat-ayat al-Quran dan

bersembahyang hajat. Namun begitu, cara rawatan sebegini begitu diyakini oleh masyarakat memandangkan cara ini begitu berkesan untuk menyembuhkan sebarang penyakit. Menurut anaknya (Ustaz Abd. Aziz), ayahnya berkebolehan merawat orang yang sakit gigi, dengan cara beliau memaku pada sekeping kayu. Beliau juga dikatakan mampu untuk merawat anak-anak yang kecacangan dan juga yang sering menangis di kala senja.

### 3.3.5.2 Mempunyai *Karāmah*

Wali Allah adalah segelintir kecil daripada umat Islam yang dipilih oleh Allah s.w.t kerana keimanan, ketaqwaan, amal soleh, kewarakan, kezuhudan dan kekuatan ibadatnya. Mereka ini dianugerahkan beberapa kelebihan yang tidak dimiliki oleh orang lain yang mana lebih dikenali sebagai *karāmah*.<sup>25</sup>

Berdasarkan kajian yang dilakukan penulis setakat ini, Tuan Guru Hj Omar adalah salah seorang daripada hamba Allah yang diberikan beberapa kelebihan atau *karamat* daripada Allah s.w.t.. Antara perkara luar biasa yang berlaku kepada beliau ialah :-

#### i) Peristiwa serangga

Pernah suatu ketika, berlaku peristiwa serangga telah menyerang tanaman padi penduduk kampung. Memandangkan pada waktu itu tidak

ada racun serangga sepertimana sekarang. Justeru itu penduduk kampung meminta bantuan beliau menghalau serangga tersebut. Beliau dengan rela hati telah pergi ke sawah berkenaan dengan membawa beberapa gengam pasir, lalu beliau hembuskan beberapa kali kepada pasir tersebut dan mencampakkannya ke tempat yang diserang serangga tersebut. Pada keesokan harinya dengan izin Allah s.w.t semua serangga tersebut sudah tiada.

Akibat daripada peristiwa tersebut, selepas daripada kematian beliau, pasir di tanah perkuburannya sering sahaja diambil orang untuk pelbagai tujuan.

## ii) Peristiwa Mak Yong

Antara lain yang membuktikan tentang kekeramatan beliau ialah peristiwa yang berlaku pada satu petang. Kebetulan pada hari tersebut diadakan pertunjukan Mak Yong di Kampung Baru. Beliau dan anak muridnya pergi ke sana kerana hendak mengambil kayu api. Ketika beliau berdua melalui sebuah rumah, kebetulan seorang perempuan terlihat beliau. Perempuan tersebut menyangka beliau ingin pergi ke tempat pertunjukan Mak Yong tersebut, lantas menghamburkan kata-kata yang kesat kepada beliau.

Bagaimanapun beliau hanya memandang sahaja perempuan tersebut tanpa berkata apa-apa pun. Selepas peristiwa itu berlaku, dikatakan perempuan itu meracau-racau dan jatuh sakit.

Melihatkan keadaan sebegitu rupa, suaminya telah datang mengambil air kolah dari masjid beliau secara diam-diam. Dengan izin Allah, setelah meminumnya keadaan perempuan tadi telah pulih seperti sediakala.

Disebabkan ajalnya telah ditetapkan, selang beberapa hari selepas itu sakitnya datang kembali dan seterusnya dia telah menemui ajalnya dalam keadaan begitu.

### iii) Peristiwa ketika di dalam pelayaran

Kisah ini berlaku ketika beliau dan keluarganya dalam perjalanan ke Mekah. Ketika di atas kapal salah seorang anaknya menangis tanpa henti-henti. Puas dipujuknya tetapi masih tidak berhenti.

Akibatnya dia telah dimarahi oleh Kapten kapal yang berbangsa Inggeris. Seperti peristiwa kedua tadi, beliau tidak berkata apa-apa tetapi hanya memandang sahaja.

Setelah beberapa ketika kapal tersebut dikatakan berhenti. Bagaimanapun tiada kerosakan yang berlaku apabila diperiksa. Akhirnya seorang anak kapal menyuarakan kepada Kapten kapal itu supaya meminta maaf daripada beliau (Tuan Guru Hj. Omar). Apabila selesai Kapten itu meminta maaf. Kapal tadi dikatakan dapat belayar seperti sediakala.<sup>26</sup>

### **3.4 Antara Kejayaan Yang DiCapai Di Dalam Bidang Pendidikan**

Guru atau pendidik yang benar-benar berjaya ialah menjadikan sifat kasih sayang yang melahirkan keikhlasan hati sebagai alat utama pelengkap kerjayanya. Menerusi sifat tersebut, ia akan berusaha sepenuh tenaga bagi mencapai kecemerlangan ilmu dan pendidikan tanpa mempersoalkan ganjaran atau upah. Perkara yang menjadi motif utama serta kepuasan kepadanya ialah dapat menikmati hasil didikan dan pembentukan keperibadian pelajar yang sempurna bagi mencapai kejayaan *duniawi* dan *ukhrawi*.

Tuan Guru Hj. Omar adalah seorang tokoh dan ulama yang berjaya di dalam bidang pendidikan Islam di daerah Besut. Ini mungkin hasil daripada keikhlasan beliau yang begitu tinggi untuk melihat anak-anak Besut tidak ketinggalan dari segi pelajaran agama. Beberapa kejayaan yang dicapai oleh Tuan Guru Hj. Omar ialah :

### 3.4.1 Menubuhkan pusat pengajian (pondok)

Kejayaan beliau yang pertama ialah berjaya membina sebuah pusat pengajian pondok di Besut. Ini mungkin kerana beliau merasakan bahawa pengajian tanpa disusuli oleh satu tempat untuk menjadi tapak pengajian amat sukar bagi seseorang itu untuk menyampaikan metod yang ingin disampaikan. Begitu juga ulama yang tidak mempunyai pondok memerlukan keupayaan yang lebih atau kebolehan luar biasa untuk muncul sebagai ulama institusi ini. Institusi pondok inilah yang berjaya membantu mengembangkan pengajian mereka. Ketokohan ulama yang terlibat didalam institusi ini juga dikatakan bertambah dan pengaruh mereka menjadi semakin meluas.

Diatas kesedaran inilah Tuan Guru Hj. Omar telah mengambil inisiatif untuk membuka pusat pengajian pondok . Dan akhirnya pusat pengajian beliau ini telah diiktiraf oleh masyarakat dan Raja Besut pada waktu itu, yang turut menghantar anak mereka untuk belajar disitu.

### 3.4.2 Melahirkan pelajar-pelajar yang berilmu

Kejayaan Tuan Guru Hj. Omar yang paling besar ialah berjaya membentuk pelapis-pelapis yang mampu meneruskan usaha pendidikan beliau. Menjadi tujuan utama beliau mendirikan pondok ini ialah untuk menyampaikan pelajaran agama kepada pelajar-pelajarnya agar mereka dapat beramal di dalam kehidupan atau dapat memimpin hal-hal

keagamaan di dalam qariah masing-masing. Beliau juga tidak bertujuan memberi jaminan kepada pelajar-pelajarnya bagi mendapat pekerjaan khusus.

Berkat daripada bimbingan Tuan Guru Haji Omar, maka dapat dilihat sebahagian besar daripada kepimpinan masjid dan surau di Besut, serta pembangun pusat pengajian pondok berada di tangan generasi yang merupakan lepasan pengajian pondok Tuan Guru Haji Omar. Dari kalangan mereka ada yang menjadi imam, guru sekolah moden, badan kehakiman, ahli politik dan lain-lain lagi. Antara pelajar-pelajar beliau yang terkenal ialah seperti, Tuan Guru Hj Abd. Latif Awang, Haji Yusof (Bari), Dato' Dr Yusof Noor, Tun Salleh Abbas, Dato' Abu Bakar Ahmad dan Haji Harun Taufik.

### **3.4.3 Membentuk masyarakat yang beriman**

Kejayaan Tuan Guru Haji Omar yang ketiga ialah beliau berjaya mendidik masyarakat sezamannya menjadi sebuah masyarakat yang berilmu dan taat kepada perintah agama. Pada waktu yang sama beliau turut berjaya membentuk sebuah masyarakat yang suka menderma. Ini dapat dilihat apabila ada apa-apa sahaja majlis yang memerlukan sumbangan wang ringgit, mereka tidak kedekut untuk mendermakannya. Di samping itu, Tuan Guru Haji Omar juga berjaya membentuk sebuah masyarakat yang suka bergotong-royong. Semua ini dapat dilihat ketika

mereka bersama-sama tolong-menolong mendirikan pondok-pondok, surau dan rumah Tuan Guru sendiri.

### 3.5 Kesimpulan

Kesimpulannya Tuan Guru Hj Omar adalah seorang yang dibesarkan dalam sebuah keluarga yang berada dan kuat berpegang dengan ajaran Islam.

Bagi memantapkan dirinya dengan ilmu pengetahuan, beliau telah menyambung pengajian ke Mekah. Setelah tamat di sana, beliau pulang ke tanahair, kerana tidak mahu mensia-siakan ilmu agama yang ada pada dirinya, beliau mengambil langkah membuka pusat pengajian pondok. Akhirnya pusat pengajian beliau berjaya melahirkan ramai ulama dan cendekiawan yang berkecawa yang mampu meneruskan perjuangan yang diasaskan oleh beliau.

## Nota Hujung

- <sup>1</sup> Zakaria Ghazali (1984), *Terengganu Dahulu Dan Sekarang*, Persatuan Muzium Malaysia, Muzium Negara Malaysia, Cet 1, hal. 1
- <sup>2</sup> Majalah Dian Daiges,(1980), *Op.Cit*, hal. 112
- <sup>3</sup> Muhammad Abu Bakar,(1991), *Op.Cit*, hal. 63-64
- <sup>4</sup> Zakaria Ghazali,(1984), *Op.Cit*, hal. 74-75
- <sup>5</sup> Muhammad Abu Bakar,(1991), *Op.Cit*, hal. 64
- <sup>6</sup> *Ibid*, hal. 72
- <sup>7</sup> Ismail b. Mat (1993), *Ulama Silam Dalam Kenangan*, Universiti Kebangsaan Malaysia, hal.13
- <sup>8</sup> Temuramah dengan Hj Wan Junoh Yusof (bekas pelajar Tuan Guru Hj Omar) 10 Dec 2000
- <sup>9</sup> Temuramah dengan Hj Wan Junoh Yusof, *Op.Cit*.
- <sup>10</sup> *Majalah Pengasuh*,(1996), *Op.Cit*, hal. 45
- <sup>11</sup> Hajjah Nafisah bersama suaminya Hj Deraman serta anak-anak kini sedang menetap di Mekah. Menurut ceritanya rumah mereka sering dikunjungi oleh jemaah haji terutamanya dari daerah Besut.
- <sup>12</sup> Haji Mohd berasal daripada Mukim Merbol Pasir Puteh Kelantan. Beliau meninggal dunia di Bukit Candan,Perak pada tahun 1929.
- <sup>13</sup> Sebelum bersara Haji Abdul Aziz pernah berkhidmat sebagai guru. Selepas daripada itu, beliau telah dilantik sebagai nazir di Jabatan pendidikan Negeri Kelantan. Beliau juga amat aktif dalam bidang

penulisan, antara buku karangan beliau ialah *Asas Akidah Islam* dan juga menjadi salah seorang penterjemah *Kitab Fi Zilalil Quran* ( Syed Qutb).

<sup>14</sup> Temuramah dengan Hj Wan Junoh Yusof, *Op.Cit*.

<sup>15</sup> Temuramah dengan Salim Awang (bekas pelajar Tuan Guru Hj Omar) 24 Feb 2001

<sup>16</sup> **Majalah Pengasuh**,(1996), *Op.Cit*, hal. 14

<sup>17</sup> Temuramah dengan Hj Salim Awang , *Op.Cit*

<sup>18</sup> **Majalah Pengasuh**,(1996), *Op.Cit*, hal. 14.

<sup>19</sup> Temuramah dengan Hajjah Wan Saedah Mohd (Isteri Tuan Guru Haji Omar) 8 Feb 2001

<sup>20</sup> Temuramah dengan Hj Wan Junoh Yusof, *Op.Cit* .

<sup>21</sup> Temuramah dengan Hj Mohd Yasin Abu Bakar (bekas pelajar Tuan Guru Haji Omar) 3 Feb 2001

<sup>22</sup> **Majalah Pengasuh**,(1996), *Op.Cit*, hal. 18

<sup>23</sup> Temuramah dengan Haji Abdul Aziz Omar ( Anak Tuan Guru Haji Omar) 24 Dec 2000

<sup>24</sup> **Majalah Pengasuh**,(1996) *Op.Cit*, hal. 18

<sup>25</sup> Ismail bin Mat (1993), *Op.Cit* , hal. 90

<sup>26</sup> Temuramah dengan Hajjah Wan Saedah Mohd, *Op.Cit* .